



Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : KPM.100-7/4/7 (38)
Tarikh : 13 April 2026

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

MAKLUMAN PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN PELANTIKAN DAN PORTFOLIO WARDEN ASRAMA SEKOLAH BERASRAMA DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN (KPM)

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/ YBrs. Dr./Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan, KPM telah membuat pengemaskinian Garis Panduan Pelantikan Dan Portfolio Warden Asrama Sekolah Berasrama di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) yang diedarkan bersama-sama surat rujukan KPM.100-7/4/7 (33) bertarikh 8 Mei 2025. Pengemaskinian tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Garis Panduan Pelantikan dan Portfolio Warden Asrama Sekolah Berasrama di bawah Institusi KPM (Kemas kini Versi Mei 2025)	Kemaskini Versi April 2026
1.	6.0 Norma Warden Asrama	Tidak dinyatakan	6.5 Pelantikan warden hendaklah mengambil kira kesesuaian jantina dengan jantina murid asrama bagi memastikan kebajikan,

Bil.	Perkara	Garis Panduan Pelantikan dan Portfolio Warden Asrama Sekolah Berasrama di bawah Institusi KPM (Kemaskini Versi Mei 2025)	Kemaskini Versi April 2026
			keselamatan dan sensitiviti murid terpelihara.
2.	8.0 Tanggungjawab dan peranan Ketua Warden Asrama dan Warden Asrama	Ketua Warden Asrama dan/atau Warden Asrama yang bertugas hendaklah boleh dihubungi oleh murid, ibu bapa atau PGB pada bila-bila masa.	8.2 Ketua Warden Asrama dan/atau Warden Asrama yang bertugas hendaklah boleh dihubungi oleh murid, ibu bapa atau PGB sepanjang tempoh bertugas dan berada di kawasan asrama bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Pelantikan dan Portfolio Warden Asrama Sekolah Berasrama di Bawah Kementerian Pendidikan (KPM) yang telah dikemaskini (**versi April 2026**) untuk perhatian dan tindakan lanjut pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan.

4. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk memastikan garis panduan baharu ini diedar, difahami dan dilaksanakan oleh semua sekolah yang terlibat di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan. Sebarang penyesuaian dan huraian tugas yang lebih terperinci adalah tertakluk kepada keperluan dan kaedah pelaksanaan operasi di jabatan/sekolah/institusi pendidikan oleh Bahagian/Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar masing-masing


5. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan berhubung hal ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ABKARI BIN ABDULLAH)

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan

s.k. KSU

KPPM

TKSU(P)

TKSU(PP)

TKPPM(SOS)

Anis2026_UnitBG_Warden Asrama

SENARAI EDARAN


1. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3 & 4, Blok E2
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 **W.P. PUTRAJAYA**
2. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 2, Blok E2
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 **W.P. PUTRAJAYA**
3. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1-4, Blok E8
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 **W.P. PUTRAJAYA**
4. Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, 6 & 8 Blok E9
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 **W.P. PUTRAJAYA**
5. Pengarah
Bahagian Profesionalisme Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3-6, Blok E13
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 **W.P. PUTRAJAYA**
6. Pengarah
Bahagian Pendidikan Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3, Blok E2
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 **W.P. PUTRAJAYA**

7. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3, Blok 2251
Jalan Usahawan 1
63000 CYBERJAYA
SELANGOR
8. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras Bawah & 2, Bangunan Mustapha Kamal
Jalan Usahawan 1
63000 CYBERJAYA
SELANGOR
9. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1, 2 & 7, Blok E13
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 **W.P. PUTRAJAYA**
10. Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5-6, Blok E14
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 **W.P. PUTRAJAYA**
11. Pengarah
Bahagian Matrikulasi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 6 & 7, Blok E15
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 **W.P. PUTRAJAYA**
12. Pengarah
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Persiaran Bukit Kiara
Bukit Damansara
50604 **W.P. KUALA LUMPUR**

13. Pengarah
Bahagian Lembaga Peperiksaan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1, 2, 5-13, Blok E11
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 **W.P. PUTRAJAYA**
14. Pengarah
Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kompleks Pendidikan Nilai
Bandar Enstek
71760 Nilai
NEGERI SEMBILAN
15. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1-3, Blok 2250
Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya
SELANGOR
16. Ketua Jemaah Nazir
Jemaah Nazir
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3-6, Blok E15
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 **W.P. PUTRAJAYA**
17. Pengarah
English Language Teaching Centre
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kompleks Pendidikan Nilai
Bandar Enstek
71760 Nilai
NEGERI SEMBILAN
18. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
Jalan Tun Abdul Razak
01990 Kangar
PERLIS

19. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan
Jalan Stadium
05604 Alor Star
KEDAH
20. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 **PULAU PINANG**
21. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh
PERAK
22. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E
Seksyen 4
40604 Shah Alam
SELANGOR
23. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah
70990 Seremban
NEGERI SEMBILAN
24. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
Jalan Istana
75450 Bukit Beruang
MELAKA
25. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Wisma Pendidikan
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru
JOHOR
26. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
Bandar Indera Mahkota
25604 Kuantan
PAHANG

27. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
TERENGGANU
28. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Bandar Baru Tunjong
16010 Kota Bharu
KELANTAN
29. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Tingkat 4, Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Kampung Likas
88450 Kota Kinabalu
SABAH
30. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako
Petra Jaya, 93050 Kuching
SARAWAK
31. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
50604 **W.P. KUALA LUMPUR**
32. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
Aras 10, Blok 4
Kompleks Ujana Kewangan
Peti Surat 81097
87020 **W.P. LABUAN**
33. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Putrajaya
Aras 7 Blok E2
Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 **W.P. PUTRAJAYA**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN PELANTIKAN DAN PORTFOLIO
WARDEN ASRAMA SEKOLAH BERASRAMA DI BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN (KPM)**

VERSI KEMAS KINI APRIL 2026

KAWALAN DOKUMEN

Versi	Tarikh	Perkara/Muka Surat	Pindaan
Ogos 2022	1 Ogos 2022	-	Garis Panduan Baharu
Februari 2025	18 Februari 2025	Perkara 2.1 M/S 3	Warden Asrama merupakan portfolio tanpa jawatan yang boleh dilantik dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (guru) atau kakitangan bukan guru Gred 1 dan ke atas.
		Perkara 3.9 M/S 5	“Warden Asrama” ertinya portfolio tanpa jawatan yang boleh dilantik dalam kalangan guru atau kakitangan bukan guru Gred 1 dan ke atas dan bertanggungjawab membantu Ketua Warden Asrama (sekiranya ada) merancang dan mengurus aspek kebaikan, sahsiah, keselamatan dan penyediaan persekitaran yang kondusif untuk murid menginap.
		Perkara 4.1.2 (ii) M/S 6	dalam keadaan tertentu (munasabah), setelah mengambil kira bilangan guru di sekolah, Warden Asrama boleh dilantik dalam kalangan kakitangan bukan guru Gred 1 dan ke atas.
Mei 2025	8 Mei 2025	Perkara 3.5 M/S 4	“Imbuhan Tetap Perumahan” ertinya bayaran imbuhan kepada pegawai perkhidmatan awam selaras dengan Lampiran E4, Rujukan E4-U91, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 berkaitan Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan atau pindaannya dari semasa ke semasa;
		Perkara 3.8 M/S 5	“Rumah Khas Jabatan” ertinya rumah yang dikhaskan oleh Jabatan untuk kediaman seseorang pegawai yang dikehendaki berada setiap masa berdekatan dengan tempat bekerja selaras dengan Lampiran I (b), Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Kemudahan Perumahan Kerajaan, Versi 1.0 (2024) atau pindaannya dari semasa ke semasa; dan

Versi	Tarikh	Perkara/Muka Surat	Pindaan
		Perkara 7.2 M/S 11	Bayaran Imbuhan Perumahan Khas Ketua Warden Asrama atau Warden Asrama yang menduduki RKJ layak menerima Bayaran Imbuhan Perumahan Khas (BIPK) pada kadar lima puluh peratus (50%) daripada kelayakan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) sepertimana ketetapan dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia berkaitan Kemudahan Perumahan Kerajaan Versi 1.0 (2024) atau pindaannya dari semasa ke semasa.
		Perkara 7.3.2 M/S 12	Sekiranya Ketua Warden Asrama atau Warden Asrama tidak menduduki RKJ kerana RKJ tidak disediakan, tidak mencukupi atau tidak selamat untuk diduduki dan tidak juga menduduki kuarters, Ketua Warden Asrama atau Warden Asrama layak dibayar ITP pada kadar penuh sepertimana ketetapan dalam Lampiran E4, Rujukan E4-U91, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 berkaitan Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan atau pindaannya dari semasa ke semasa;
		Perkara 7.4 M/S 12	Sekiranya Ketua Warden Asrama atau Warden Asrama tidak menduduki RKJ yang disediakan, Ketua Warden Asrama atau Warden Asrama tersebut tidak layak menerima BIPK dan ITP sepertimana ketetapan dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia berkaitan Kemudahan Perumahan Kerajaan Versi 1.0 (2024) atau pindaannya dari semasa ke semasa.
		Perkara 11 M/S 14	3. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia berkaitan Kemudahan Perumahan Kerajaan Versi 1.0 (2024) atau pindaannya dari semasa ke semasa.

Versi	Tarikh	Perkara/Muka Surat	Pindaan
			4. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 berkaitan Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan atau pindaannya dari semasa ke semasa;
April 2026	April 2026	Perkara 6.5 M/S 12	Pelantikan warden hendaklah mengambil kira kesesuaian jantina dengan jantina murid asrama bagi memastikan kebajikan, keselamatan dan sensitiviti murid terpelihara.
		Perkara 8.2 M/S 15	Ketua Warden Asrama dan/atau Warden Asrama yang bertugas hendaklah boleh dihubungi oleh murid, ibu bapa atau PGB sepanjang tempoh bertugas dan berada di kawasan asrama bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan.

KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
1.0	TUJUAN.....	5
2.0	LATAR BELAKANG.....	5
3.0	TAFSIRAN.....	6
4.0	PELANTIKAN KETUA WARDEN ASRAMA DAN WARDEN ASRAMA.....	8
5.0	ELAUN WARDEN ASRAMA.....	11
6.0	NORMA WARDEN ASRAMA.....	12
7.0	KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN UNTUK WARDEN ASRAMA.....	13
8.0	TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN KETUA WARDEN ASRAMA DAN WARDEN ASRAMA.....	15
9.0	TARIKH KUAT KUASA.....	15
10.0	PEMAKAIAN.....	16
11.0	RUJUKAN.....	16
LAMPIRAN I	- BORANG PELANTIKAN KETUA WARDEN ASRAMA DAN WARDEN ASRAMA.....	i
LAMPIRAN II	- SURAT PELANTIKAN WARDEN ASRAMA.....	iv
LAMPIRAN III	- JADUAL 1 : NORMA WARDEN ASRAMA SEKOLAH BERASRAMA DI BAWAH KPM.....	v
LAMPIRAN IV	- JADUAL 2 : NORMA WARDEN ASRAMA SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS DI BAWAH KPM.....	vi
LAMPIRAN V	- SENARAI TUGAS KETUA WARDEN ASRAMA.....	vii
LAMPIRAN VI	- SENARAI TUGAS WARDEN ASRAMA.....	ix

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini merupakan dokumen rujukan bagi pelantikan dan portfolio Warden Asrama sekolah berasrama di bawah Kementerian Pendidikan (KPM).
- 1.2 Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Surat Edaran rujukan KPM.100-7/4/7 (12) bertarikh 8 Julai 2022 berkaitan Makluman Kadar Baharu Elaun Ketua Warden dan Warden Asrama di Sekolah-Sekolah Berasrama bawah Kementerian Pendidikan (KPM) dan arahan serta peraturan berkaitan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Warden Asrama merupakan **portfolio tanpa jawatan** yang boleh dilantik dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (guru) atau kakitangan bukan guru Gred 1 dan ke atas.
- 2.2 Berdasarkan Surat Pekeliling Kewangan Bil. 6/1995 : Tatacara Lantikan Warden Asrama, Ketua Warden Asrama dibayar Elaun Warden Asrama (EWA) pada kadar RM140.00, manakala Warden Asrama dibayar EWA pada kadar RM120.00. Mulai tahun 1997, kadar ini telah dinaikkan kepada RM280.00 bagi Ketua Warden Asrama dan RM240.00 bagi Warden Asrama.

3.0 TAFSIRAN

Berikut ialah tafsiran bagi istilah yang digunakan dalam Garis Panduan ini:

- 3.1 **“Bayaran Imbuhan Perumahan Khas”** ertinya bayaran imbuhan yang layak dibayar kepada pegawai perkhidmatan awam yang menduduki Rumah Khas Jabatan atau Rumah Khas Jawatan yang diperuntukkan kepadanya;
- 3.2 **“Bilik Khas Warden”** ertinya mana-mana ruang dalam bangunan sekolah yang dikhaskan untuk dijadikan tempat tinggal warden asrama tetapi keadaan fizikal dan ruang bilik tersebut tidak kondusif dan lengkap untuk dijadikan kuarters;
- 3.3 **“Bilik Operasi/Bilik Transit/Bilik Gerakan/Bilik Warden/Pejabat Warden”** ertinya mana-mana ruang dalam bangunan sekolah yang dikhaskan untuk kegunaan warden ketika bertugas;
- 3.4 **“Elaun Warden Asrama”** ertinya bayaran imbuhan kepada Ketua Warden Asrama dan Warden Asrama yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Melulus berdasarkan tatacara yang ditetapkan;
- 3.5 **“Imbuhan Tetap Perumahan”** ertinya bayaran imbuhan kepada pegawai perkhidmatan awam selaras dengan Lampiran E4, Rujukan E4-U91, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 berkaitan Pelaksanaan Sistem Saraan

Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan atau pindaannya dari semasa ke semasa;

- 3.6 **“Ketua Warden Asrama”** ertinya portfolio tanpa jawatan yang dilantik dalam kalangan guru yang berpengalaman menjadi Warden Asrama dan bertanggungjawab merancang serta mengurus aspek kebajikan, sahsiah dan keselamatan murid termasuk penyediaan persekitaran yang kondusif untuk murid menginap serta bertanggungjawab menyelia dan menyelaraskan tugas Warden Asrama;
- 3.7 **“Pihak Berkuasa Melulus”** ertinya Pengarah Bahagian atau Pengarah Pendidikan Negeri yang dipertanggungjawab meluluskan pelantikan Ketua Warden Asrama dan Warden Asrama;
- 3.8 **“Rumah Khas Jabatan”** ertinya rumah yang dikhaskan oleh Jabatan untuk kediaman seseorang pegawai yang dikehendaki berada setiap masa berdekatan dengan tempat bekerja selaras dengan Lampiran I (b), Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Kemudahan Perumahan Kerajaan, Versi 1.0 (2024) atau pindaannya dari semasa ke semasa; dan
- 3.9 **“Warden Asrama”** ertinya portfolio tanpa jawatan yang boleh dilantik dalam kalangan guru atau kakitangan bukan guru Gred 1 dan ke atas dan bertanggungjawab membantu Ketua Warden Asrama (sekiranya ada) merancang dan mengurus

aspek kebajikan, sahsiah, keselamatan dan penyediaan persekitaran yang kondusif untuk murid mengingati.

4.0 PELANTIKAN KETUA WARDEN ASRAMA DAN WARDEN ASRAMA

4.1 Syarat-syarat Pelantikan

4.1.1 Ketua Warden Asrama

- i. dilantik dalam kalangan guru; dan
- ii. berpengalaman menjadi Warden Asrama.

4.1.2 Warden Asrama

- i. dilantik dalam kalangan guru; atau
- ii. dalam keadaan tertentu (munasabah), setelah mengambil kira bilangan guru di sekolah, Warden Asrama boleh dilantik dalam kalangan kakitangan bukan guru Gred 1 dan ke atas.

4.2 Tatacara Pelantikan

4.2.1 Cadangan pelantikan Ketua Warden Asrama dan/atau Warden Asrama mesti diputuskan dalam Mesyuarat Pengurusan Sekolah.

4.2.2 Pengetua/Guru Besar (PGB) bertanggungjawab mengemukakan permohonan pelantikan Ketua Warden Asrama dan/atau Warden Asrama yang lengkap dalam borang di **Lampiran I** kepada Pihak Berkuasa Melulus (PBM) masing-masing selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh pelantikan yang dicadangkan.

4.2.3 PBM bagi pelantikan Ketua Warden Asrama dan Warden Asrama adalah seperti yang berikut:

Jenis Sekolah Berasrama	Pihak Berkuasa Melulus
Asrama di Sekolah Harian, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Kolej Tingkatan 6	Pengarah Pendidikan Negeri
Asrama di bawah tanggungjawab Bahagian KPM termasuk Kolej Vokasional	Pengarah Bahagian yang berkaitan

4.2.4 PBM yang disebut di perenggan 4.2.3 hendaklah sentiasa mematuhi semua peraturan dan syarat yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan ini.

4.2.5 PBM perlu memaklumkan keputusan permohonan dengan mengembalikan semula borang Pelantikan Ketua Warden Asrama dan Warden Asrama yang telah diproses dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima.

4.2.6 Sekiranya permohonan diluluskan, PBM perlu mengeluarkan surat pelantikan sepertimana di **Lampiran II** dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima.

4.2.7 PBM yang meluluskan pelantikan Ketua Warden Asrama dan Warden Asrama dikehendaki menyimpan dan menyelenggarakan rekod yang mengandungi butiran seperti yang berikut:

- i. Bilangan No. Siri;
- ii. Nama Ketua Warden Asrama dan/atau Warden Asrama yang Dilantik;
- iii. No. Kad Pengenalan;
- iv. Nama Jawatan Sekarang;
- v. Nama Sekolah;
- vi. Bilangan Penghuni Asrama;
- vii. Tarikh Kuat Kuasa Pelantikan;
- viii. Salinan Borang Pelantikan Ketua Warden Asrama dan Warden Asrama; dan
- ix. Salinan Surat Pelantikan.

4.3 Tempoh Pelantikan

4.3.1 Ketua Warden Asrama

Tempoh pelantikan Ketua Warden Asrama adalah mengikut kesesuaian.

4.3.2 Warden Asrama

Tempoh pelantikan kali pertama Warden Asrama adalah tidak melebihi dua (2) tahun. Walau bagaimanapun, tempoh tersebut boleh dilanjutkan sehingga tiga (3) tahun lagi tertakluk pada keperluan dan justifikasi. Tempoh maksimum bagi pelantikan seorang Warden Asrama adalah lima (5) tahun.

4.4 Penamatan Pelantikan

Walau apa pun tempoh pelantikan yang dinyatakan dalam subperenggan 4.3, PBM boleh menamatkan pelantikan Ketua Warden Asrama atau Warden Asrama pada bila-bila masa atas mana-mana justifikasi seperti yang berikut:

- 4.4.1 kesihatan;
- 4.4.2 disiplin;
- 4.4.3 pertukaran sekolah;
- 4.4.4 perubahan bilangan penghuni asrama; atau
- 4.4.5 sebab-sebab lain yang munasabah.

5.0 ELAUN WARDEN ASRAMA

5.1 Kadar Elaun

5.1.1 Jabatan Perkhidmatan Awam melalui surat rujukan JPA(S)63/75 Jld 7(12) bertarikh 9 Jun 2022 berkaitan Cadangan Penambahbaikan Portfolio Warden Asrama di Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia telah bersetuju meluluskan kadar elaun baharu Ketua Warden Asrama dan Warden Asrama seperti yang berikut:

- i. **Ketua Warden Asrama - RM350.00 sebulan;**
dan
- ii. **Warden Asrama - RM300.00 sebulan.**

5.1.2 Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan pembayaran EWA kepada Ketua Warden Asrama dan Warden Asrama secara bulanan mengikut kadar baharu yang telah ditetapkan.

6.0 NORMA WARDEN ASRAMA

- 6.1 Pelantikan Ketua Warden Asrama dan/atau Warden Asrama adalah berdasarkan norma seperti yang dinyatakan di **Lampiran III** dan **Lampiran IV**.
- 6.2 PGB hendaklah memastikan jadual penggiliran tugas bagi Warden Asrama disediakan mengikut kesesuaian asrama masing-masing.
- 6.3 Bilangan hari bertugas bagi setiap Warden Asrama adalah bergantung kepada kesesuaian dan penyusunan jadual penggiliran tugas. Walau bagaimanapun, PGB hendaklah memastikan pembahagian tugas adalah seimbang antara setiap Warden Asrama.
- 6.4 PGB hendaklah menyemak dan menentukan kelayakan bilangan Ketua Warden Asrama dan Warden Asrama bagi sesebuah asrama sebanyak dua (2) kali setahun.
- 6.5 Pelantikan warden hendaklah mengambil kira kesesuaian jantina dengan jantina murid asrama bagi memastikan kebajikan, keselamatan dan sensitiviti murid terpelihara.

7.0 KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN UNTUK WARDEN ASRAMA

7.1 Tempat Tinggal Warden

- 7.1.1 Ketua Warden Asrama atau Warden Asrama yang dilantik hendaklah menduduki Rumah Khas Jabatan (RKJ).
- 7.1.2 Sekiranya RKJ tidak disediakan, tidak mencukupi atau tidak selamat untuk diduduki dan Bilik Khas Warden disediakan, PGB boleh mengarahkan Ketua Warden Asrama dan/atau Warden Asrama untuk menduduki bilik tersebut.
- 7.1.3 Walau apa pun subperenggan 7.1.2, Ketua Warden Asrama dan/atau Warden Asrama boleh memohon kepada PGB untuk tinggal di luar kawasan sekolah yang berhampiran.

7.2 Bayaran Imbuhan Perumahan Khas

Ketua Warden Asrama atau Warden Asrama yang menduduki RKJ layak menerima Bayaran Imbuhan Perumahan Khas (BIPK) pada kadar lima puluh peratus (50%) daripada kelayakan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) sepertimana ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia berkaitan Kemudahan Perumahan Kerajaan Versi 1.0 (2024) atau pindaannya dari semasa ke semasa.

7.3 Imbuhan Tetap Perumahan

7.3.1 Ketua Warden Asrama atau Warden Asrama yang menduduki RKJ tidak layak dibayar ITP.

7.3.2 Sekiranya Ketua Warden Asrama atau Warden Asrama tidak menduduki RKJ kerana RKJ tidak disediakan, tidak mencukupi atau tidak selamat untuk diduduki dan tidak juga menduduki kuarters, Ketua Warden Asrama atau Warden Asrama layak dibayar ITP pada kadar penuh sepertimana ketetapan dalam Lampiran E4, Rujukan E4-U91, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 berkaitan Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan atau pindaannya dari semasa ke semasa;

7.3.3 Ketua Warden Asrama atau Warden Asrama yang menduduki Bilik Khas Warden layak menerima ITP pada kadar penuh sepertimana ketetapan dalam surat siaran berkaitan Penjelasan Mengenai Warden Asrama yang Diperuntukkan Bilik Khas dalam Kawasan Sekolah/Institusi rujukan: KPM.400-3/15/11 Jld.36 (49) bertarikh 13 Februari 2018.

7.4 Sekiranya Ketua Warden Asrama atau Warden Asrama tidak menduduki RKJ yang disediakan, Ketua Warden Asrama atau Warden Asrama tersebut tidak layak menerima BIPK dan ITP sepertimana ketetapan dalam Pekeliling Perkhidmatan

Sumber Manusia berkaitan Kemudahan Perumahan Kerajaan
Versi 1.0 (2024) atau pindaannya dari semasa ke semasa.

8.0 TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN KETUA WARDEN ASRAMA DAN WARDEN ASRAMA

- 8.1 Ketua Warden Asrama dan Warden Asrama merupakan personel yang memainkan peranan ibu bapa di asrama berdasarkan prinsip *in loco parentis* dan mempunyai kewajipan berjaga-jaga (duty of care) terhadap murid dalam jagaannya merangkumi hal kebajikan, keselamatan dan disiplin murid.
- 8.2 Ketua Warden Asrama dan/atau Warden Asrama yang bertugas hendaklah boleh dihubungi oleh murid, ibu bapa atau PGB sepanjang tempoh bertugas dan berada di kawasan asrama bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan.
- 8.3 Senarai Tugas Ketua Warden Asrama dan Senarai Tugas Warden Asrama adalah sepertimana di **Lampiran V** dan **Lampiran VI**.

9.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2022**.

10.0 PEMAKAIAN

- 10.1 Garis Panduan ini terpakai kepada semua sekolah berasrama di bawah KPM termasuk Kolej Vokasional dan Kolej Tingkatan 6.
- 10.2 Dengan berkuat kuasanya Garis Panduan ini, Surat Pekeliling Kewangan Bil. 6/1995 berkaitan Tatacara Lantikan Warden Asrama dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pendidikan Bil. 3 Tahun 1997 berkaitan Kadar Baru Elaun Ketua Warden Asrama dan Warden Asrama adalah tidak terpakai kepada sekolah yang tertakluk di bawah Garis Panduan ini.

11.0 RUJUKAN

1. Surat Edaran rujukan KPM.100-7/4/7 (12) bertarikh 8 Julai 2022 berkaitan Makluman Kadar Baharu Elaun Ketua Warden dan Warden Asrama di Sekolah-Sekolah Berasrama bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Surat Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA(S)63/75 Jld 7(12) bertarikh 9 Jun 2022 berkaitan Cadangan Penambahbaikan Portfolio Warden Asrama di Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan (KPM).
3. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia berkaitan Kemudahan Perumahan Kerajaan Versi 1.0 (2024) atau pindaannya dari semasa ke semasa.

4. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 berkaitan Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan atau pindaannya dari semasa ke semasa;
5. Surat Edaran BPSM rujukan KPM.500-1/3/3 (13) bertarikh 20 November 2019 yang bertajuk Pelaksanaan Peluasan Pelantikan Warden Asrama Kepada Semua Kakitangan Bukan Guru Gred 19 dan ke atas di Sekolah-Sekolah di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
6. Surat Penjelasan Mengenai Warden Asrama Yang Diperuntukkan Bilik Khas dalam Kawasan Sekolah/Institusi rujukan: KPM.400-3/15/11 Jld.36 (49) bertarikh 13 Februari 2018.

**Kementerian Pendidikan
April 2026**

LAMPIRAN I

BORANG PELANTIKAN KETUA WARDEN ASRAMA DAN WARDEN ASRAMA (Diisi dalam 4 salinan)

BAHAGIAN I (diisi oleh Pegawai yang Dicadangkan)

1. Nama :
2. Nombor kad Pengenalan :
3. Skim Perkhidmatan :
4. Gelaran Jawatan :
5. Gred Jawatan :

Saya bersetuju untuk dilantik sebagai Ketua Warden Asrama/Warden Asrama berkuat kuasa mulai sehingga atau sehingga lantikan saya ditamatkan/tidak lagi bertugas di Sekolah/Kolej Vokasional/Kolej Tingkatan Enam ini. Dengan pelantikan ini, saya layak dibayar Elaun Warden Asrama atas kadar RM350.00/RM300.00 sebulan.

Tarikh :

.....
(Tandatangan Pegawai)

BAHAGIAN II (Diisi oleh Pengetua/Guru Besar)

Kepada

Ruj. :

.....
.....
.....
.....

Saya memperakukan

dilantik sebagai Ketua Warden Asrama/Warden Asrama di Asrama Sekolah/Kolej
Vokasional/Kolej Tingkatan Enam
..... mulai
..... sehingga atau sehingga lantikannya
ditamatkan/beliau tidak lagi bertugas di Sekolah/Kolej Vokasional/Kolej Tingkatan Enam ini.

Dengan pelantikan ini beliau layak dibayar elaun sebanyak RM

Pelantikan beliau adalah untuk menggantikan

Ketua Warden Asrama/Warden Asrama yang bertugas sebelum ini. Untuk makluman tuan, asrama ini sekarang mempunyai seramai penghuni. Bersama-sama ini disertakan Borang Kew. 32 (Pind. 5/67) untuk kelulusan tuan.

Tarikh :

.....
(Tandatangan Pengetua/Guru Besar)

Nama Penuh :

Jawatan :

BAHAGIAN III (Diisi Oleh Pihak Berkuasa Melulus)

Kepada

Ruj. :

.....

.....

.....

.....

Permohonan untuk melantik

sebagai Ketua Warden Asrama/Warden Asrama diluluskan/tidak diluluskan seperti perakuan di

Bahagian II di atas.

Tarikh :

.....
(Tandatangan Pihak Berkuasa Melulus)

Nama Penuh :

Jawatan :

Cop Jabatan :

No. Rujukan :diisi Oleh Unit HEM, JPN

[illegible]

Diluluskan Oleh :

Tarikh :

LAMPIRAN II

Ruj. Kami :

Tarikh :

Pengetua/Guru Besar,

.....
.....

Tuan/Puan,

PELANTIKAN WARDEN ASRAMA

NAMA :

NO. K/P :

JAWATAN :

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah di rujuk dan berkaitan.

2. Sukacita saya menarik perhatian tuan/puan kepada perkara tersebut di atas dan dimaklumkan bahawa bahagian/jabatan ini meluluskan permohonan tuan/puan melantik sebagai **Ketua Warden Asrama/Warden Asrama** bermula sehingga atau sehingga lantikannya ditamatkan/beliau tidak lagi bertugas di Sekolah/Kolej Vokasional/Kolej Tingkatan Enam ini dan dibayar elaun sebanyak RM sebulan.

3. Dengan pelantikan ini, diharap beliau akan menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan dengan penuh dedikasi, amanah dan bertanggungjawab.

4. Bersama-sama ini dikembalikan borang Kew. 32 (Pind. 5/67) untuk tindakan tuan/puan seterusnya.

Sekian, terima kasih.

“ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 “

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menjalankan amanah,

(NAMA)

Pengarah Bahagian/Pengarah Pendidikan Negeri
Bahagian/Jabatan Pendidikan Negeri

LAMPIRAN III

**Jadual 1: Norma Warden Asrama Sekolah Berasrama di bawah KPM
(termasuk Kolej Vokasional dan Kolej Tingkatan Enam)**

Bilangan Penghuni Asrama	Kelayakan Warden	Kelayakan Ketua Warden	Jumlah Kelayakan Warden Asrama
1 – 50	3	-	3
51 – 100	4	-	4
101 – 150	4	-	4
151 – 200	4	1	5
201 – 250	5	1	6
251 – 300	6	1	7
301 – 350	7	1	8
351 – 400	8	1	9
401 – 450	9	1	10
451 – 500	10	1	11
501 – 550	11	1	12
551 – 600	12	1	13
601 – 650	13	1	14
651 – 700	14	1	15
701 – 750	15	1	16
751 – 800	16	1	17
801 ke atas	17	1	18

* Jadual 1 merupakan jumlah maksimum kelayakan pelantikan warden mengikut bilangan penghuni asrama. Walau bagaimanapun, pihak sekolah boleh memohon pelantikan kurang daripada bilangan kelayakan warden asrama yang ditetapkan mengikut kesesuaian tanpa menjejaskan pengoperasian asrama sedia ada.

LAMPIRAN IV

Jadual 2: Norma Warden Asrama Sekolah Pendidikan Khas di bawah KPM

Bilangan Penghuni Asrama	Kelayakan Warden	Kelayakan Ketua Warden	Jumlah Keseluruhan Warden Asrama
1 – 20	3	-	3
21 – 40	3	-	3
41 – 60	4	-	4
61 – 80	4	1	5
81 – 100	5	1	6
101 – 120	6	1	7
121 – 140	7	1	8
141 – 160	8	1	9
161 – 180	9	1	10
181 – 200	10	1	11
201 – 220	11	1	12
221 – 240	12	1	13
241 – 260	13	1	14
261 – 280	14	1	15
281 ke atas	15	1	16

* Jadual 2 merupakan jumlah maksimum kelayakan pelantikan warden mengikut bilangan penghuni asrama. Walau bagaimanapun, pihak sekolah boleh memohon pelantikan kurang daripada bilangan kelayakan warden asrama yang ditetapkan mengikut kesesuaian tanpa menjejaskan pengoperasian asrama sedia ada.

LAMPIRAN V

Senarai Tugas Ketua Warden Asrama

Ketua Warden Asrama bertanggungjawab merancang dan mengurus aspek kebajikan, sahsiah, keselamatan dan penyediaan persekitaran yang kondusif untuk murid menginap dan tugasnya merangkumi perkara seperti yang berikut:

1. Mewakili Pengetua/Guru Besar/Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (GPK HEM) seperti yang diarahkan;
2. Memastikan dasar asrama yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran Asrama dilaksanakan sepenuhnya;
3. Menyelia dan menyelaraskan tugas Warden Asrama;
4. Memeriksa Buku Laporan Harian Warden dan melaporkannya kepada GPK HEM;
5. Mengadakan mesyuarat dengan Warden Asrama sekurang-kurangnya dua (2) bulan sekali dan merekodkan mesyuarat tersebut untuk dikemukakan kepada PGB;
6. Bertanggungjawab dalam pengurusan disiplin dan Program Pembangunan Insan di asrama;
7. Memastikan warden menjalankan tanggungjawabnya;
8. Memastikan penyelia asrama mengemas kini dan menyediakan data i-asrama;
9. Membantu mengurus kemasukan murid baru seperti penyediaan borang/dokumen taklimat kemasukan dan orientasi murid baru dan sebagainya;
10. Membawa dan mengurus murid keluar sekolah semasa kecemasan dengan kebenaran/arahan daripada pihak pentadbir;

11. Ketua Warden Asrama boleh mengetuai dan secara bergilir mengawasi kelakuan dan keselamatan murid apabila ada aktiviti di luar sekolah; dan
12. Melaksanakan tugas lain yang diarahkan oleh PGB/pentadbir dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN VI

Senarai Tugas Warden Asrama

Membantu Ketua Warden merancang dan mengurus aspek kebajikan, sahsiah, keselamatan dan penyediaan persekitaran yang kondusif untuk murid menginap dan tugasnya merangkumi perkara seperti yang berikut:

1. Memastikan peraturan asrama dipatuhi dan mengambil tindakan ke atas hal-hal berkaitan disiplin berdasarkan prosedur yang ditetapkan;
2. Menyemak, menyiasat serta mengambil tindakan susulan ke atas Laporan Harian Ketua/Ahli Jawatankuasa Asrama dan Ketua Dormitori;
3. Memastikan laporan harian dilengkapkan setiap hari untuk tindakan Pengetua/Guru Besar/Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid;
4. Menyelia, memantau dan merekodkan aktiviti harian dan berkala, contohnya:
 - a. Kelas persediaan (*Prep*);
 - b. Waktu solat;
 - c. Waktu makan;
 - d. Kelas fardhu ain/kelas agama;
 - e. Pertandingan antara dormitori;
 - f. Makan malam beradab; dan
 - g. Aktiviti sukan dan kokurikulum.
5. Mengadakan pemeriksaan dan *roll-call* setiap hari/mengikut keperluan;
6. Memantau Ketua/Ahli Jawatankuasa Asrama bertugas menjalankan *roll-call*;
7. Mengurus kebenaran keluar/masuk murid asrama;

8. Mengadakan perjumpaan mingguan dengan Jawatankuasa Asrama dan Ketua Dormitori;
9. Mengadakan pemeriksaan dan membuat Laporan Harian Dormitori, bilik-bilik khas, surau, tandas, bilik air, persekitaran dan dewan makan;
10. Mengurus murid sakit dan urusan yang berkaitan dengannya;
11. Membuat persediaan untuk mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran Asrama:
 - a. Minit Mesyuarat terdahulu;
 - b. Laporan Bulanan Asrama; dan
 - c. Pembentangan aktiviti dan takwim bulan berikutnya.
12. Mesyuarat/perjumpaan warden dengan Jawatankuasa Asrama sekurang-kurangnya satu (1) bulan sekali;
13. Membantu mengurus kemasukan murid asrama:
 - a. Penyediaan borang/dokumen;
 - b. Taklimat kemasukan; dan
 - c. Sesi suai kenal murid baru.
14. Menyediakan takwim serta Jadual Harian Asrama untuk tahun berikutnya;
15. Mengumpul data/maklumat murid untuk:
 - a. Mengesahkan data/maklumat yang disediakan oleh penyelia asrama; dan
 - b. Melengkapkan Borang Kutipan Data Asrama ke Jabatan Pendidikan Negeri.
16. Menganjurkan aktiviti/kursus/seminar/bengkel kepada murid asrama;
17. Mengadakan perjumpaan dengan waris jika perlu;
18. Mengadakan latihan kecemasan;
19. Memantau peralatan, kemudahan serta perkara yang berkaitan dengan keselamatan;

20. Menyelia dan memantau kebajikan murid berkaitan:
 - a. Makanan;
 - b. Keselesaan di asrama;
 - c. Kesihatan; dan
 - d. Keselamatan.
21. Memantau penyediaan dokumen yang berkaitan dan mengesahkan dokumen.
22. Memastikan Penyelia Asrama melaksanakan tugas dalam urusan:
 - a. Pungutan yuran asrama;
 - b. Perkhidmatan pembersihan kawasan;
 - c. Kawalan keselamatan; dan
 - d. Penguatkuasaan kontrak makanan asrama.
23. Melaksanakan tugas lain yang diarahkan oleh PGB/pentadbir dari semasa ke semasa.

